

**SULIT**  
**1249/1**  
**Sejarah**  
**Kertas 1**  
**September**  
**2011**  
**1 jam**

1249/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

---

**SEJARAH**

Kertas 1

Satu jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

1 Apakah ciri tamadun awal manusia yang berkaitan dengan maklumat berikut?

- Hieroglif
- Cuneiform
- Ideogram

- A Bahasa dan tulisan
  - B Organisasi sosial
  - C Sistem pemerintahan
  - D Agama dan kepercayaan
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Tamadun Mesopotamia.

Raja dianggap sebagai Tuhan atau wakil tuhan dan pemilik negara kota.

- Apakah sistem pemerintahan tersebut?
- A Tirani
  - B Oligarki
  - C Teokrasi
  - D Monarki
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan latar belakang tamadun India.

Kedatangan orang Aryan telah membawa kepada kemunculan Zaman Vedik.

- Peristiwa tersebut telah membawa kepada
- A kelahiran agama Hindu
  - B pengenalan sistem tulisan
  - C kewujudan bandar terancang
  - D perkembangan kegiatan perdagangan

- 4 Gambar berikut adalah binaan aqueduct dalam tamadun Rom.



Apakah fungsi binaan tersebut?

- A Pintu gerbang
  - B Tembok pertahanan
  - C Laluan pengangkutan
  - D Saluran bekalan air
- 5 Gambar berikut menunjukkan Prasasti Telaga Batu yang dijumpai di Palembang pada tahun 683M.



Apakah peristiwa yang berkaitan dengan prasasti tersebut?

- A Upacara pemakaman raja
- B Upacara perkahwinan diraja
- C Upacara angkat sumpah pembesar
- D Upacara persembahan korban

- 6 Apakah catatan yang terdapat pada Batu Bersurat Kutei di Sumatera?
- A Perintah raja
  - B Agama Buddha
  - C Undang-undang
  - D Salasilah raja
- 7 Maklumat berikut merujuk kepada wahyu Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Surah al-Muddasir ayat 1 - 7

- Apakah perintah yang terkandung dalam ayat tersebut?
- A Menangani penentangan Arab Quraisy
  - B Menyeru umat Islam berhijrah
  - C Menyebarkan ajaran Islam
  - D Menyatupadukan masyarakat Arab
- 8 Senarai berikut adalah bentuk pemuluan orang Arab Quraisy terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga.

- Larangan menjalankan aktiviti jual beli
- Larangan memberikan sebarang bentuk pertolongan
- Menggantungkan pernyataan pemuluan di Kaabah

Mengapakah tindakan tersebut gagal ?

- A Perubahan kepimpinan Quraisy
- B Peribadi mulia Rasulullah
- C Penghijrahan Nabi ke Taif
- D Perpecahan masyarakat Quraisy

9 Apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh orang Ansar kepada orang Muhajirin di Madinah?

- I Menyediakan modal
- II Menjaga keselamatan
- III Mengajar ilmu pengetahuan
- IV Memberi latihan ketenteraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Maklumat berikut merupakan warkah Nabi Muhammad s.a.w kepada Maharaja Rom Timur.

Terjemahannya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Daripada Muhammad, hamba dan pesuruh Allah, kepada Hercules (Maharaja Rom Timur). Selamat dan sejahtera kepada sesiapa yang menurut perintah Allah. Anutilah Islam, nescaya Allah akan mengurniakan anda ganjaran dua kali ganda. Seandainya anda menolak Islam, maka anda akan menanggung dosa-dosa rakyat jelata...

*Sumber : Hassan Ibrahim Hassan, 1986  
(Dipetik daripada buku teks Sejarah Tingkatan 4 mukasurat 129)*

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada warkah tersebut?

- A Perluasan taklukan Islam
- B Permulaan hubungan luar
- C Pelaksanaan undang-undang Islam
- D Penyebaran Islam secara diplomasi

11 Apakah sumbangan tokoh berikut dalam Kerajaan Bani Abbasiyah?

- Abu Salamah al-Khallal
- Abu Muslim al-Khurasani

- A Menubuhkan pusat keilmuan
- B Mengetuai gerakan ketenteraan
- C Memantapkan sistem pentadbiran
- D Meningkatkan kegiatan perdagangan

12 Bagaimanakah dasar sosial kerajaan Turki Uthmaniyah menarik minat golongan Kristian di Eropah untuk memeluk agama Islam?

- A Mementingkan kecemerlangan individu
- B Menekankan prinsip persamaan taraf
- C Mengamalkan semangat perpaduan
- D Mengutamakan hak persaudaraan

13 Senarai berikut berkaitan dengan karya kesusasteraan di Asia Tenggara.

- Hikayat Merong Mahawangsa
- Hikayat Aceh
- Sejarah Kepulauan Sulu

Apakah persamaan karya tersebut ?

- A Pengislaman raja
- B Penubuhan kerajaan
- C Perjuangan pahlawan
- D Pengkisahan salasilah

14 Apakah persamaan kerajaan berikut?

- Kerajaan Melayu Melaka
- Kerajaan Aceh

- A Dinaungi kuasa Barat
- B Menghapuskan kuasa Barat
- C Menjadi pusat pengajian Islam
- D Digelar sebagai Serambi Makkah
- 15 Apakah tarian masyarakat Melayu yang dikaitkan dengan kepahlawanan Saidina Ali?

- A Tarian asyik
- B Tarian dabus
- C Tarian mak yong
- D Tarian kuda kepang
- 16 Jawatan berikut diwujudkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Jawatan	Peranan
Laksamana	<b>X</b>
Syahbandar	Ketua pelabuhan

- Apakah peranan **X** ?
- A Menjaga urusan kelautan
- B Mengetuai istiadat diraja
- C Menjaga perbendaharaan negara
- D Menguruskan hal ehwal perdagangan

17 Apakah kandungan Akta Lombong 1842 di Britain?

- A Sekatan kenaikan gaji pekerja
- B Sekatan menubuhkan kesatuan
- C Larangan mengambil wanita bekerja
- D Larangan bekerja melebihi sepuluh jam

18 Apakah kuasa Barat yang menggunakan slogan berikut dalam menjalankan dasar imperialisme di Asia Tenggara?

*“The White Man’s Burden”*

- A Perancis
- B Amerika
- C Jerman
- D Britain

19 Andaikan anda seorang usahawan yang menjalankan pemiagaan import eksport ke Britain pada awal abad ke-20.

Apakah jenis insurans yang dapat melindungi barang dagangan anda?

- A Insurans harta
- B Insurans nyawa
- C Insurans maritim
- D Insurans kebakaran

20 Apakah tujuan British memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah pada tahun 1920 di Tanah Melayu?

- A Meningkatkan kualiti pendidikan
- B Menyekat penyebaran pengaruh komunis
- C Mengimbangi penubuhan sekolah vernakular
- D Menghalang pendidikan berasaskan negara asal

21 Apakah ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan di Asia Tenggara?

- I Menubuhkan kerajaan pusat
  - II Mewujudkan jabatan kerajaan
  - III Memelihara adat resam tempatan
  - IV Mengekalkan pemimpin setempat
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

22 Apakah bentuk perjuangan parti politik berikut di Asia Tenggara pada awal abad ke-20?

- Katipunan
- Viet Nam Quoc Dang Dang

- A Menentang secara radikal
- B Menyebarkan fahaman dakwah
- C Menekankan kesedaran politik
- D Membangkitkan isu keagamaan

23 Apakah faktor pertelingkahan pemimpin berikut di Sungai Ujong?

- Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal
- Dato' Kelana Syed Abdul Rahman

- A Persaingan kuasa pentadbiran
- B Pencerobohan kawasan pegangan
- C Pertikaian kawasan perlombongan
- D Perebutan sempadan memungut cukai

24 Slogan berikut merupakan matlamat perjuangan sebuah pertubuhan radikal di Tanah Melayu.

Melayu Raya atau Indonesia Raya

Siapakah tokoh yang mencetuskan idea tersebut ?

- A Abdul Hadi Hassan
- B Ahmad Boestamam
- C Zainal Abidin Ahmad
- D Burhanuddin Al Helmy

25 Konsep 1 Malaysia mempunyai persamaan dengan konsep bangsa Malaysia yang diwujudkan sejak merdeka.

Bagaimanakah konsep tersebut dapat direalisasikan ?

- A Penekanan amalan beragama
- B Penggunaan satu bahasa kebangsaan
- C Pengekalan sistem pendidikan vernakular
- D Pewujudan sempadan negara berasaskan bangsa

26 Apakah ciri yang berkaitan dengan Sistem Jemaah Menteri di Kelantan pada tahun 1836-1886 ?

- A Diketuai oleh Menteri Besar
- B Menteri berkuasa melantik sultan
- C Mempunyai Majlis Mesyuarat Negeri
- D Dianggotai oleh empat orang pembesar

27 Apakah saranan Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik 1945 ?

- A Amalan monarki
- B Dasar liberalisasi
- C Dasar dekolonisasi
- D Amalan realpolitik

28 Tokoh berikut terlibat dalam pembunuhan Gabenor British di Sarawak pada tahun 1949.



Rosli Dhobi


Apakah iktibar daripada tindakan tersebut?

- A Berani menghadapi risiko
- B Berdikari dalam kehidupan
- C Bijak dalam setiap tindakan
- D Berdisiplin dalam perjuangan

29 Apakah tujuan Dato' Onn bin Ja'afar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)?

- A Mengekalkan hak peribumi
- B Mendapatkan sokongan British
- C Menuntut kemerdekaan negara
- D Mewujudkan kerjasama kaum

30 Pantun berikut menggambarkan satu konsep pentadbiran yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951.



Apakah konsep pentadbiran tersebut?

- A Malayan Union
- B Pakatan Murni
- C Parti Perikatan
- D Sistem Ahli

31 YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan tarikh 16 September adalah hari cuti umum mulai tahun 2010.

Apakah peristiwa yang berkaitan dengan tarikh tersebut?

- A Berakhir konfrontasi
- B Perisytiharan Malaysia
- C Hari memperingati pahlawan
- D Pelantikan Yang di-Pertuan Agong

32 Akta Malaysia 1963 telah diluluskan oleh

- A Parlimen British
- B Perdana Menteri
- C Parlimen Singapura
- D Yang di-Pertuan Agong

33 Apakah peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang terdapat di Malaysia?

- A Menguruskan proses pilihanraya
- B Mengendalikan pelantikan kakitangan
- C Memastikan dasar negara dilaksanakan
- D Menentukan bentuk pentadbiran jabatan

34 Jadual berikut merupakan pengagihan kuasa pentadbiran di Malaysia.

Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai Bersama
Pertahanan	X	Biasiswa

Apakah X?

- A Pelajaran
- B Pertanian
- C Kesihatan
- D Kewangan

35 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1956.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar</li> <li>• Membuka tanah baru</li> </ul> |
|---|

Apakah agensi tersebut?


- A Lembaga pembangunan Industri Desa (RIDA)
- B Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- D Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)

36 Rukun Negara diisytiharkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 31 Ogos 1970.

Apakah matlamat Rukun Negara?

- A Membasmi kemiskinan
- B Meningkatkan ekonomi
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Memartabatkan bahasa kebangsaan

37 Garis masa berikut menunjukkan usaha ke arah pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan.



Apakah X?


- A Ordinan Pelajaran
- B Laporan Fenn-Wu
- C Laporan Rahman Talib
- D Kajian Aminuddin Baki

- 38 Kawasan berwarna  dalam peta berikut menunjukkan negara-negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 – 1918.



Apakah pakatan yang disertai oleh negara tersebut?

- A Kuasa Paksi
  - B Pakatan Bertiga
  - C Kuasa Bersekutu
  - D Perikatan Kuasa Tengah
- 39 Rajah berikut merupakan perkembangan dasar luar Malaysia selepas tahun 1971.



Mengapakah berlakunya perubahan tersebut?

- A Perubahan ekonomi dunia
- B Penglibatan dalam Komanwel
- C Pengaruh Britain di Timur merosot
- D Peningkatan kuasa Amerika Syarikat

40 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan bagi menghadapi cabaran globalisasi di Malaysia.

“ ...kerajaan akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada 615,000 isi rumah di 246 lokasi membabitkan peruntukan RM 60 juta.” - YAB Dato’ Seri Najib Tun Razak

*(Berita Harian, 25 Mac 2010)*

Apakah rumusan anda daripada petikan tersebut?

- I Meningkatkan kadar celik huruf
  - II Mengurangkan kadar kemiskinan
  - III Melahirkan masyarakat bermaklumat
  - IV Menguasai teknologi maklumat
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**